

19 JANUARI 2018

Serbu makmal proses heroin



HASNAN menunjukkan peralatan memproses dadah pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, Ipoh.

Serbu makmal proses heroin

Ipoh: Sindiket dadah ditumpaskan polis dalam tujuh serbuan di tiga negeri termasuk membabitkan sebuah makmal memproses heroin di Jelapang, di sini, membabitkan rampasan bernilai RM1.03 juta, kelmarin.

Serbuan digerakkan Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (STING) Bikit Aman dengan kerjasama Jabatan Siasatan Narkotik (JSN) Perak membabitkan beberapa lokasi di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Ketua Polis Perak Datuk Hassan Hassan berkata, serbuan dijalankan bermula jam 12.30 tengah hari hingga 11 malam dan lapan suspek bersusila antara 22 hingga 47 tahun, termasuk seorang wanita tempatan dan seorang lelaki warga Sri Lanka ditahan.

Menurutnya, polis turut menemui dadah jenis ganja dan heroin yang dianggarkan bernilai RM619,412 membabitkan 2.67 kilogram (kg).

bahan asas membuat heroin, heroin nombor 3 (3.42 kg) dan ganja (30kg) serta 56.9kg kafein.

Katanya, polis juga membuat sitaan harta bernilai RM410,700 membabitkan empat kereta, tiga motosikal dan wang tunai RM1,700 menjadikannya jumlah keseluruhan rampasan RM1.03 juta.

"Serbuan pertama di sebuah rumah kedai dua tingkat di Jelapang, di sini yang berjaya menahan lima suspek membabitkan empat lelaki dan seorang wanita tempatan serta merampas pelbagai peralatan dan bahan kimia yang diperlukan digunakan untuk memproses heroin ditingkat atas premis berkenaan.

"Polis turut menemui ba-

han asas membuat heroin, heroin nombor 3, dan hampir 60 kilogram (kg) kafein di ditengah rumah kedai terbabit yang dijadikan makmal memproses, manakala tingkat bawah dijadikan kedai menjual barang hiasan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak di sini semalam.

Hasnan berkata, serbuan kemudian dibuat di sebuah kediaman di Taman Puncak Jelapang, di sini dan menemui ganja seberat 30kg dalam sebuah kereta di rumah berkenaan.

"Serbuan lanjut dilakukan di sebuah kedai kopitiam di Damansara, Selangor dan berjaya menahan tiga suspek termasuk seorang lelaki warga

Sri Lanka.

"Beberapa serbuan lagi dibuat di Negeri Sembilan membabitkan sitaan pelbagai barang rampasan," katanya.

Menurutnya, sindiket berkenaan diperlakukan aktif dalam kegiatan pengedaran dadah di sekitar Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sejak dua bulan lalu dan masih ada ahli sindiket yang masih bebas serta sedang giat diburu.

"Dalam tangkapan itu, dadah utama turut berjaya ditahan dan semakan mendapat enam lelaki warga tempatan itu mempunyai pelbagai rekod jerayah lampau.

"Manakala warga asing berkenaan pulak mempunyai pasport tamat tempoh," katanya.

Katanya, suspek diremahan selama enam hari sehingga 23 Januari ini dan disiasat mengikut Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952.

FAKTA
Polis menemui
ganja, heroin yang
dianggarkan bernilai
RM619,412



SEBAHAGIAN dadah yang berjaya dirampas dalam serbuan.